myMetro

# Padah cuba seludup barang kawalan




PPM menahan juragan dan lelaki warga asing yang cuba menyeludup keluar beberapa barang kawalan. FOTO ihsan PPM

**Junaidi Ladjana**
*junaidi_ladjana@hmetro.com.my*

PASUKAN Polis Marin (PPM) menahan juragan dan seorang lelaki warga asing yang cuba menyeludup keluar beberapa barang kawalan menggunakan bot pam di perairan Felda Sahabat 16, Lahad Datu, semalam.

Bot dikendalikan juragan warga asing berusia 40 tahun itu ditahan sepasukan PPM Lahad Datu ketika menjalankan tugas Ops Gelora pada 10.30 malam.

Komander PPM Wilayah 4 Sabah, Asisten Komisioner Mohamad Pajeri Ali berkata, bot pam berkenaan ditahan selepas berada dalam keadaan mencurigakan di kawasan laut Felda Sahabat 16.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapati bot pam menggunakan tiga unit enjin pam dikendalikan juragan dan lelaki berusia 35 tahun. Kedua-dua mereka tidak memiliki pengenalan diri yang sah.

"Pemeriksaan di ruang bot menemukan tiga unit tong gas petroleum cecair (LPG), enam bungkus gula dan 10 tepung gandum tanpa permit atau dokumen kebenaran daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)," katanya menerusi kenyataan media.

Mohamad Pajeri berkata, kedua-dua suspek juga didapati melanggar syarat Perintah Berkurung dan tangkapan serta semua rampasan di bawa ke Markas Operasi PPM Lahad Datu untuk tindakan lanjut.

"Kes disiasat mengikut 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 iaitu tiada dokumen pengenalan diri dan Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.

**Artikel ini disiarkan pada : Rabu, 26 Jun 2019 @ 11:02 AM**

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI : KHAMIS

TARIKH : 27/6/2019

M/SURAT : 17

# Kes penipuan transaksi online meningkat di Terengganu

**KUALA TERENGGANU** – Kes penipuan melibatkan transaksi online semakin meningkat di Terengganu berikutan penerimaan 151 aduan oleh pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri sejak awal tahun ini.

Pengarah KPDNHEP Terengganu, Shaharudin Mohd. Kia (**gambar kecil**) berkata, aduan berhubung penipuan transaksi online itu merangkumi 51 peratus daripada keseluruhan kes yang diterima daripada pengguna seluruh negeri itu sepanjang tempoh sama.

"Sebanyak 151 daripada 292 aduan yang diterima daripada pengguna di negeri ini sejak awal tahun ini melibatkan dakwaan transaksi dalam atas talian atau online.



"Ia menunjukkan trend peningkatan setiap tahun iaitu masing-masing 156 dan 217 aduan pada tahun 2017 dan 218," katanya kepada pemberita ketika ditemui pada majlis sambutan Aidilfitri peringkat KPDNHEP Terengganu di sini semalam.

Shaharudin berkata, berdasarkan siasatan pihaknya, kebanyakan pengguna terbabit menjadi mangsa penipuan selepas terpedaya dengan teknik pengiklanan yang mengelirukan.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan pengguna agar lebih berhati-hati dalam melalukan transaksi online dengan melakukan perbandingan harga, menyemak maklumat perniagaan dan testimoni pembeli terdahulu serta memilih urus niaga di platform urus niaga yang dipercayai.

"Pengguna tidak harus terperdaya dengan tawaran yang terlalu menarik dan tidak munasabah. Selain itu, sebolehnya, pilih urus niaga secara pembayaran tunai secara penerimaan bagi meminimumkan risiko untuk tertipu.




PELANGGAN yang kerap melakukan urus niaga perniagaan online terdedah kepada risiko penipuan. – Gambar hiasan

"Sebaiknya beli di platform perniagaan yang mempunyai rekod dan komen baik daripada pengguna terdahulu," katanya.

Shaharudin berkata, berdasarkan Peraturan-peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012, peniaga online perlu mendedahkan identiti, alamat, e-mel dan nombor telefon, ciri utama barang dan perkhidmatan ditawarkan, harga penuh, kaedah pembayaran, terma dan syarat serta anggaran masa penghantaran untuk maklumat pengguna.

Ujar beliau, denda maksimum RM100,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya boleh dikenakan terhadap peniaga yang melanggar peraturan itu.